

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR
AWAM (EKSA) JABATAN TENAGA MANUSIA
BIL. 1/2023**

Tarikh : 03 Februari 2023 (Jumaat)

Masa : 2.30 petang

Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, Aras 6, JTM

Pengerusi : Ts. Abd Halim bin Ali Mohammed
Pengarah Bahagian Pembangunan Kemahiran

Kehadiran : Seperti di LAMPIRAN 1

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1. Pengerusi mengucapkan salam dan memulakan mesyuarat dengan bacaan doa seterusnya mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Jawatankuasa Induk Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) JTM Bil.1 Tahun 2023.
- 1.2. Pengerusi memaklumkan bahawa hebahan mengenai audit dalaman JTM EKSA Bil.1/2023 telah diemelkan kepada semua warga Ibu Pejabat melalui *Postmaster* pada 10 Februari 2023 (Jumaat) dan berharap audit pada kali ini akan dilaksanakan dengan lancar dan berharap agar warga Ibu Pejabat dapat bersedia dan memberi kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan program ini.
- 1.3. Mesyuarat mengambil maklum bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Induk EKSA akan diadakan pada setiap bulan bagi tahun 2023.

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Induk EKSA JTM Bil.5/2022 bertarikh 14 Oktober 2022 disahkan dengan pindaan kepada perkara berikut:

PINDAAN	
Mesyuarat bersetuju dengan warna standard zon, dan mencadangkan dimasukkan juga coding warna.	Tindakan: Jawatankuasa Standard

PINDAAN	
Mesyuarat mencadangkan agar header minit mesyuarat pada sudut EKSA maya Jawatankuasa dipinda kepada dokumen.	Tindakan: Jawatankuasa Standard
Mesyuarat bersetuju dengan format standard laporan zon yang telah dibentangkan oleh Jawatankuasa Standard. Semua Ketua Zon perlu memastikan menggunakan format ini bagi pelaporan pada mesyuarat EKSA Induk.	Tindakan: Semua Ketua Zon
Mesyuarat mencadangkan pindaan pada gambar standard peringatan dibuat bagi menunjukkan imej korporat.	Tindakan: Jawatankuasa Standard
Mesyuarat bersetuju dengan format keseluruhan Standard Zon yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Standard dengan pindaan.	Tindakan: Jawatankuasa Standard
Mesyuarat bersetuju susunan dalam laci adalah mengikut standard zon masing-masing.	Tindakan: Semua Ketua Zon
Jawatankuasa Induk bersetuju memberikan mandat kepada Jawatankuasa Standard untuk mengeluarkan dan meminda standard EKSA JTM tanpa perlu bentang dalam mesyuarat induk.	Tindakan: Untuk Makluman
Semua Ketua Zon diminta untuk melaksanakan EKSA mengikut perancangan aktiviti EKSA bersasar yang akan bermula dari 21 Oktober 2022.	Tindakan: Semua Ketua Zon
Jawatankuasa Standard memaklumkan tiada halangan dengan jenis kotak yang dicadangkan oleh Fasilitator EKSA, namun perlu pastikan pembelian kotak perlu diselaraskan agar sama (standard).	Tindakan: Urus Setia
Pengerusi mencadangkan agar diselaraskan pengambilan gambar ahli (tudung merah dan tie merah) bagi tujuan standard gambar pada carta dan PIC.	Tindakan: Urus setia/ Jurugambar

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

- 3.1 Mesyuarat bersetuju agar draf minit mesyuarat disemak terlebih dahulu oleh ahli jawatankuasa Induk sebelum pengedaran minit mesyuarat yang final.

TINDAKAN: Setiausaha

- 3.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa manual dan latihan telah diberikan kepada ahli Jawatankuasa Promosi bagi memuat naik maklumat ke dalam sudut EKSA Maya pada bulan Oktober 2022. Pautan bagi memuat naik gambar yang diambil semasa aktiviti EKSA telah dihantar melalui e-mel kepada semua warga kerja Ibu Pejabat JTM. Penyelaras zon bertanggungjawab untuk memilih gambar yang sesuai untuk dimuatnaik oleh ahli Jawatankuasa Promosi ke dalam sudut EKSA Maya.

TINDAKAN: Untuk makluman

- 3.3 Mesyuarat bersetuju agar setiap zon perlu mengemukakan laporan aktiviti zon di dalam sudut EKSA maya setiap minggu mengikut format yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Standard. Setiap zon perlu memastikan telah memuatnaik laporan aktiviti di dalam sudut EKSA maya mengikut format yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Standard. Dalam hal ini, setiap zon perlu mengikut susunan format laporan aktiviti seperti aktiviti sebelum dan selepas, penambahbaikan, amalan baik dan cabaran.

TINDAKAN: Semua Ketua Zon

- 3.4 Mesyuarat mengambil maklum bahawa Jawatankuasa Promosi sedang dalam proses mengemaskini maklumat di sudut EKSA maya dan akan mengadakan mesyuarat dengan AJK Promosi setiap zon.

TINDAKAN: JK Promosi

- 3.5 Mesyuarat bersetuju agar pelan lantai EKSA JTM perlu dikemaskini dengan mengambilkira penambahan ruang kerja PMO JIMS.

TINDAKAN: Jawatankuasa Standard

3.6 Mesyuarat mengambil maklum bahawa pihak MAMPU meminta supaya JTM menjemput KSM bagi tujuan penjelasan dan penerangan EKSA memandangkan KSM telah berjaya mendapat sijil EKSA. Jawatankuasa Latihan akan mengatur satu sesi taklimat dengan pihak KSM dalam bulan Mac. Lain-lain aktiviti latihan EKSA telah selesai dilaksanakan pada tahun 2022 dan bagi tahun 2023, tiada peruntukan yang dikhususkan bagi aktiviti latihan EKSA.

3.6.1 Jawatankuasa Latihan telah menjalankan sebanyak empat (4) program bagi tahun 2022 seperti berikut:

Program	Tarikh
Pengenalan EKSA	12 Januari 2022
Kursus Sharing Knowledge with Champion EKSA – Kesedaran dan amalan Pembudayaan	08 April 2022
Kursus Penetapan Keseragaman dan Tatacara Pengauditan EKSA	12 - 13 Mei 2022
Lawatan Penanda Aras EKSA ke Jabatan Kastam Diraja Malaysia - KLIA	18 Ogos 2022

3.6.2 Jawatankuasa Latihan akan menganjurkan sebanyak tiga (3) kursus secara dalam talian bagi tahun 2023 seperti berikut:

Program	Tarikh
Lawatan Penandarasan EKSA ke Kementerian Dalam Negeri	1 Mac 2023
Penetapan Keseragaman dan Tatacara Pengauditan EKSA	

TINDAKAN: Jawatankuasa Latihan

3.7 Jawatankuasa Promosi memaklumkan SOP bagi penggunaan peralatan ICT seperti *printer* dan mesin pengimbas (*scanner*) gunasama telah disediakan.

TINDAKAN: Untuk Makluman

3.8 Jawatankuasa Keselamatan memaklumkan terdapat 2 jenis SOP iaitu **Standard Operation Procedure** dan **Safety Operation Procedure**. Penggunaan Safety Operation Procedure diamalkan di ILJTM manakala bagi di Ibu Pejabat hanyalah mengamalkan Standard Operation Procedure dan hanya peralatan gunasama sahaja akan disediakan SOP. Dalam hal ini,

Pengerusi meminta agar Jawatankuasa Keselamatan membuat semakan dengan KSM bagi mendapatkan satu ketetapan berkenaan penggunaan SOP peralatan di Ibu Pejabat samada menggunakan SOP yang standard atau gunasama.

TINDAKAN: Jawatankuasa Keselamatan

4. PEMBENTANGAN JAWATANKUASA PROMOSI

- 4.1 Slaid pembentangan telah dibentangkan oleh Jawatankuasa Promosi seperti di **Lampiran**.

TINDAKAN: Untuk Makluman

- 4.2 Mesyuarat mengambil maklum perancangan aktiviti Jawatankuasa Promosi bagi tahun 2023 seperti berikut:

- a. Hebahan Audit dalam EKSA JTM;
- b. Hebahan Pertandingan EKSA antara ZON
- c. Hebahan mingguan;
- d. Lain-lain hebahan;
- e. Latihan Kepenggunaan Editor laman sesawang EKSA JTM kepada Jawatankuasa Promosi, urus setia dan setiausaha jawatankuasa baharu; dan
- f. Pengemaskinian laman sesawang EKSA JTM bagi skop bidang J/Kuasa Promosi dari semasa ke semasa.

- 4.3 Mesyuarat turut mengambil maklum pelaksanaan aktiviti Jawatankuasa Promosi bagi tahun 2022 seperti berikut:

- a. Laman sesawang EKSA JTM diwujudkan untuk memasukkan informasi berkaitan EKSA bagi mengurangkan penggunaan kertas dan menyokong elemen EKSA iaitu GO GREEN. Pautan laman sesawang EKSA JTM adalah <https://myapps.jtm.gov.my/eksa>;
- b. Latihan Kepenggunaan Editor telah dilaksanakan kepada ahli JKP EKSA JTM, Setiausaha Jawatankuasa Audit, Setiausaha Jawatankuasa Latihan dan Setiausaha Jawatankuasa Keseragaman secara bersemuka, atas talian dan melalui aplikasi WhatsApp. Latihan ini bertujuan untuk mengajar cara-cara memasukkan dan mengemas kini informasi zon dan jawatankuasa masing-masing di laman EKSA masing-masing yang telah disediakan. Manual Kepenggunaan Editor juga telah diwujudkan dan diedarkan kepada semua peserta yang mengikuti latihan;
- c. JKP EKSA JTM juga telah membuat hebahan mingguan dan lain-lain hebahan berkenaan EKSA sebanyak 20 kali melalui e-mel kepada semua kakitangan JTM sepanjang tahun 2022; dan

- d. Pertandingan mencipta slogan EKSA telah diadakan dan dimenangi oleh Encik Mohd Fazli bin Ramli dengan Slogan EKSA baharu adalah "Kondusif Produktif Efektif".

TINDAKAN: Untuk Makluman

- 4.4 Mesyuarat bersetuju dengan cadangan Jawatankuasa Promosi berkenaan templat carta organisasi yang disediakan bagi Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Pelaksanaan EKSA JTM. Templat ini akan diedarkan kepada AJK Promosi setiap zon untuk dimuatnaik ke dalam sudut EKSA maya JTM. Latar belakang carta bagi zon Ruby perlu diubah warna supaya bersesuaian dengan gambar pegawai. Fasilitator meminta agar carta organisasi juga perlu dikemaskini di dalam garis panduan EKSA JTM.

TINDAKAN: AJK Promosi Zon/ Urus Setia

5. PEMBENTANGAN JAWATANKUASA STANDARD

- 5.1 Slaid pembentangan telah dibentangkan oleh Jawatankuasa Standard seperti di **Lampiran**.

TINDAKAN: Untuk Makluman

- 5.2 Mesyuarat mengambil maklum perancangan aktiviti oleh Jawatankuasa Standard bagi tahun 2023 seperti berikut:

- a. Standard Pelan Lampu;
- b. Lain-lain standard yang perlu (jika berkaitan); dan
- c. Mesyuarat Jawatankuasa Standard Bil. 1/2023 pada 8 Februari 2023.

- 5.3 Mesyuarat mengambil maklum pelaksanaan aktiviti oleh Jawatankuasa Standard bagi tahun 2022 seperti Jadual di bawah:

STANDARD INDUK	
SUDUT EKSA MAYA	FORMAT LAPORAN MESYUARAT
i. Jawatankuasa Induk	i. Laporan Bergambar Aktiviti
ii. Jawatankuasa Latihan, Audit, Promosi, Keseragaman dan Keselamatan; dan	ii. Laporan Penambahbaikan: Sebelum dan Selepas
iii. Zon	iii. Laporan Amalan Baik EKSA di Zon
	iv. Laporan Cabaran di Zon (Jika berkaitan); dan
	v. Lain-lain Laporan/Perkara (jika berkaitan)

STANDARD ZON			
1.	Warna Standard Zon	6.	Plag
2.	Tagging Tray	7.	Kew PA-7
3.	Tagging Laci / Almari	8.	Pegawai Bertanggungjawab
4.	Ring File (50mm, 40mm, 25mm)	9.	Tatacara Penggunaan
5.	Magazine Holder		

- 5.4 Jawatankuasa Standard memaklumkan sekiranya ada keperluan dalam penambahan dari segi keseragaman, perlulah memaklumkan kepada Jawatankuasa Standard.

TINDAKAN: Untuk makluman

- 5.5 Jawatankuasa Standard memaklumkan bahawa Jawatankuasa Audit disarankan melihat kriteria penetapan standard yang telah dilaksanakan seperti perkara 5.3 bagi tujuan pengauditan. Mesyuarat bersetuju agar perkara ini perlu dilihat semula dengan CHAMPION EKSA.

TINDAKAN: Jawatankuasa Audit

6. PEMBENTANGAN JAWATANKUASA LATIHAN

- 6.1 Jawatankuasa Latihan memaklumkan akan memfokuskan latihan EKSA secara dalam talian memandangkan tiada peruntukan bagi tahun 2023.

TINDAKAN: Untuk makluman

- 6.2 Fasilitator mencadangkan agar latihan EKSA yang akan diadakan nanti berpandukan kepada EKSA Champion yang mengamalkan EKSA secara Maya supaya mudah untuk JTM mengamalkan EKSA secara maya.

TINDAKAN: Jawatankuasa Latihan

7. PEMBENTANGAN JAWATANKUASA AUDIT

- 7.1 Slaid pembentangan telah dibentangkan oleh Jawatankuasa Audit seperti di **Lampiran.**

TINDAKAN: Untuk Makluman

- 7.2 Mesyuarat bersetuju dengan cadangan audit dalaman JTM yang akan dijalankan sebanyak 2 kali pada tahun ini seperti berikut:

- a. Audit dalaman EKSA JTM Bil.1/2023 pada 10 Februari 2023; dan
- b. Audit dalaman EKSA JTM Bil.2/2023 pada 7 April 2023

- 7.3 Pengauditan akan dijalankan mengikut *check list* dalam sudut eksa maya dan sebanyak 17 perkara akan diaudit.

TINDAKAN: Untuk Makluman

8. PEMBENTANGAN JAWATANKUASA KESELAMATAN

- 8.1 Jawatankuasa Keselamatan memaklumkan sekiranya ada keperluan dalam penambahan standard SOP, perlulah memaklumkan kepada Jawatankuasa Keselamatan.

TINDAKAN: Untuk Makluman

- 8.2 Puan Rozitah binti Harun memaklumkan bahawa ada beberapa tong pemadam api yang tarikhnya telah luput dan pihak *maintenance* akan keluarkan tong yang telah luput. Pengerusi bersetuju semakan dibuat dengan pihak KSM untuk membuat pemeriksaan kepada semua tong pemadam api yang sedia ada di Ibu Pejabat.

TINDAKAN: Urus setia/ Jawatankuasa Keselamatan

9. HAL-HAL LAIN

- 9.1. Mesyuarat bersetuju agar Program Pengiktirafan Ekosistem EKSA dilaksanakan seperti berikut:

- i. Zon Terbaik;
- ii. Ruang Kerja Terbaik;
- iii. Hasil Kreativiti Terbaik; dan
- iv. Anugerah Amalan Hijau Terbaik.

Pengerusi meminta agar program-program tersebut diwar-warkan kepada seluruh warga Ibu Pejabat JTM. Mesyuarat turut bersetuju agar markah daripada penemuan audit dalaman JTM akan menentukan pemenang bagi kategori program Zon Terbaik dan Ruang Kerja Terbaik. Pengerusi bersetuju agar program pengiktirafan EKSA diadakan sebanyak 5 kategori seperti mana yang digariskan di dalam Garis Panduan EKSA JTM.

TINDAKAN: Jawatankuasa Promosi/ JK Audit

- 9.2 Mesyuarat bersetuju dengan cadangan Fasilitator sekiranya Jurugambar INDUK EKSA mempunyai tugas yang lain dan tidak dapat mengambil gambar, bolehlah diganti dengan pihak Urus Setia.

TINDAKAN: Untuk Makluman

- 9.3 Fasilitator mencadangkan semua zon mengadakan mesyuarat bagi tujuan pemilihan gambar-gambar aktiviti yang telah dimasukkan ke dalam *Google Drive* supaya gambar yang dipilih adalah yang terbaik untuk dimuatnaik di dalam sudut EKSA maya.

TINDAKAN: Semua Ketua Zon

- 9.4 Fasilitator mencadangkan bagi sudut EKSA maya JTM, susunan menu di tab Zon adalah seperti berikut: Carta, Pelan Lantai, PIC, dan Laporan. Minit Mesyuarat pula dipindahkan daripada tab Rujukan ke menu Laporan yang diwujudkan di dalam Tab Jawatankuasa Induk.

TINDAKAN: Jawatankuasa Promosi

- 9.5 Mesyuarat bersetuju kotak kubikel akan dibekalkan kepada setiap zon tertakluk kepada keperluan individu dengan menggunakan wang yang diperuntukkan bagi setiap zon. Setiap Ketua Zon diminta untuk memberi jumlah bilangan kotak kepada Urus setia untuk urusan pembelian. Kos bagi sebuah kotak kubikel yang dicadangkan adalah sebanyak RM5.50 seunit sekiranya pembelian melebihi 100 unit. Mesyuarat turut bersetuju Cawangan CTM sebelum ini telah membuat pembelian kotak ini menggunakan peruntukan sendiri, maka kos pembelian kotak ini boleh dituntut dengan peruntukan Zon Ruby.

TINDAKAN: Setiap Ketua Zon/ Urus setia

Rujukan: JTM/HQ/100-12/10 ()

- 9.6 Mesyuarat bersetuju pengambilan gambar pegawai di Ibu Pejabat akan diadakan pada 8 dan 9 Februari 2023 bagi penyeragaman carta organisasi EKSA. Pakaian yang ditetapkan adalah tali leher merah, tudung merah dan blazer hitam.

TINDAKAN: Urus Setia

- 9.7 Jawatankuasa Keselamatan mencadangkan agar setiap aktiviti EKSA JTM turut dimuatnaik ke dalam Sosial media seperti *Facebook* dan *Instagram* JTM.

TINDAKAN: Bahagian Pengurusan Latihan

10. PENUTUP

- 10.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih dan menangguhkan mesyuarat pada jam 4.45 petang.

Disediakan oleh :




.....
(REKHA KANAPATHY)

Setiausaha

Tarikh : 7/3/23

Disahkan oleh :



.....
(AZIZUL BIN MUSTAFA)

P (KP) / Penyelaras Jawatankuasa Induk EKSA JTM

Tarikh : 7/3/2023

SENARAI KEHADIRAN:

1. Encik Abdul Halim bin Ali Mohammed - Pengerusi
2. Encik Azizul bin Mustafa - Penyelaras & Ketua Zon Ruby
3. Encik Noor Imran bin Mohamad - Fasilitator
4. Dr. Azmir bin Mohd Yunus - Ketua Zon Zircon
5. Puan Junnaina binti Husin Chua - Ketua Zon Amethyst
6. Puan Saidatina Asmah binti Ajuhary - Ketua Jawatankuasa Promosi
7. Encik Rostam bin Hamzah - Ketua Jawatankuasa Keselamatan
8. Puan Rekha A/P Kanapathy - Setiausaha
9. Encik Muhammad Farhan bin Hamid - Urus setia
10. Puan Juliana binti Ali - Urus setia
11. Puan Rozitah Haron - Urus setia
12. Cik Nur Hidayatul Nadzirah binti Amirudin - Urus setia
13. Puan Nur Yuzaena binti Mohmed Yusof - Urus setia
14. Encik Abdullah Fahim - Urus setia
15. Puan Nur Amalina binti Rosdi - Wakil Jawatankuasa Audit
16. Encik A. Rahmad bin Ngah - Wakil Jawatankuasa Keseragaman (Standard)
17. Encik Jesudian Arulraj Chelliah - Wakil Jawatankuasa Latihan
18. Encik Abdul Hadi bin M Sirat - Wakil Urus setia

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Cik Junita binti Mohamed Ali - Ketua Zon Diamond
2. Puan HjH Noor Lisa Rahmat - Ketua Jawatankuasa Keseragaman (Standard)
3. Puan Mazra Neesha binti Abdul Hussin - Ketua Jawatankuasa Latihan
4. Encik Muhammad Hafiz bin Harun - Ketua Jawatankuasa Audit
5. Encik Mohd Fazli bin Ramli - Jurugambar
6. Puan Khaliza binti Khalid - Urus setia